

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HLT 334/404 - Persepsi Seni

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGITUJUH (7) SOALAN DI DALAM SATU(1) HALAMAN.

Jawab **EMPAT** (4) soalan.

SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bincangkan peranan pengajian simiologi di dalam proses penterjemahan teks drama ke pentas.
2. Huraikan pengalaman estetik yang dialami semasa seseorang berhadapan dengan sebuah karya seni. Sila rujuk kepada bentuk seni dan contoh tertentu di dalam jawapan anda.
3. Anda telah dilantik sebagai kurator sebuah pamiran catan. Pihak pengajian telah mengumpulkan berbagai jenis catan yang merangkumi karya dari abstrak hingga ke realisme. Sebagai kurator, anda dikehendaki merasionalisasikan pengumpulan karya ini ke dalam kategori gaya tertentu supaya mudah dipamirkan. Sila tuliskan asas pemilihan dan penilaian anda dengan memberi sebab mengapa catan-catan ini dikumpulkan ke dalam kategori-kategori itu. Tulisan anda ini akan dimuatkan ke dalam buku katalog.
4. Bincangkan pengolahan realiti di dalam filem dan drama.
5. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan unsur ruang, masa dan simbol di dalam karya catan dan pentas.
6. Tauhid merupakan aspek penting di dalam Islam. Bincangkan konsep ini dengan merujuk kepada seni khat dan seni bina Islam.
7. Bincangkan peranan kritikan sebagai unsur penting di dalam usaha memperjelaskan karya-karya seni.